

29/05/2002

Meritokrasi dijangka hangatkan sidang Umno

Zainudin Isa

PEKAN, Selasa - Perhimpunan agung Umno bulan depan dijangka hangat berikutan banyak isu baru mendapat perhatian perwakilan selain perbahasan tiga usul tetap meliputi ucapan dasar presiden, pendidikan, agama dan sosial.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak, berkata isu baru yang dijangka menarik minat pembahas ialah pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam berdasarkan sistem meritokrasi, penguasaan bahasa Inggeris pelajar Melayu dan kemelut Malaysia sebagai negara Islam.

Beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Usul perhimpunan agung berkata, jawatankuasa sudah menetapkan tiga usul pada perhimpunan kali ini iaitu ucapan dasar presiden, pendidikan, agama dan sosial.

"Tapi, banyak perkara baru yang boleh dibincang seperti soal penguasaan bahasa Inggeris pelajar Bumiputera, prinsip meritokrasi dan Malaysia sebagai negara Islam.

"Isu seperti ini boleh disentuh perwakilan bagi menggambarkan sikap parti dan ahli terhadap isu di persekitaran mereka," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-22, Persatuan Nelayan Kawasan Nenasi, di sini, hari ini.

Najib ditanya persiapan perhimpunan agung Umno pertengahan bulan depan, termasuk ketetapan usul yang akan dibawa anggota perwakilan kali ini.

Beliau berkata, perhimpunan kali ini dianggap penting kepada ahli dan pemimpin parti untuk membaharui semangat dan iltizam, khususnya menjelang pilihan raya.

"Inilah masa untuk menterjemahkan semangat baru kita selepas menghadapi pelbagai cabaran dan ranjau sebelum ini.

"Saya yakin semangat ahli Umno kian bersemarak, terutama selepas ada tanda pemulihan politik semasa yang jelas," katanya.

Beliau berkata, kemenangan Umno dan Barisan Nasional pada beberapa pilihan raya kecil seperti di Dewan Undangan Negeri Ketari tanda kebangkitan sokongan padu masyarakat terhadap kerajaan.

"Atas kesedaran inilah kita sepatutnya bergerak lebih kuat, bersepakat dan bersemangat," katanya.

Mengenai pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II, di Vatican City, bulan depan, Najib berkata ia usaha murni bagi meningkatkan imej Islam melalui dialog.

Katanya, rakyat memberi harapan tinggi agar pertemuan Perdana Menteri dengan ketua gereja Roman Katolik itu membuahkan hasil.

"Ini juga bukti Islam tidak pernah menghalang umat atau pemimpinnya berdialog bagi menyelesaikan masalah dan kemelut, meskipun berlainan agama.

"Usaha Dr Mahathir ini baik untuk meningkatkan imej Islam yang sedikit tercalar berikutan isu keganasan antarabangsa, baru-baru ini," katanya mengulas sambutan semua pihak, termasuk pembangkang terhadap jemputan itu bulan depan.

Najib berkata, pada pertemuan itu Dr Mahathir dijangka menjelaskan prinsip Islam terutama berhubung salah faham penganut agama lain yang mengaitkan Islam dengan keganasan.

(END)